

UPM jawab viral pelajar bawa anjing

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) menjelaskan tiga wanita Islam membawa anjing yang tular melalui sebuah klip video kelmarin merupakan pelajar dari Fakulti Perubatan Veterinar (FPV).

Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi, Profesor Dr Nor Kamariah Noordin berkata, ketiga-tiga pelajar Doktor Perubatan Veterinar (DPV) itu sedang menjalani latihan praktikal luar kampus.

Dalam pengajian itu, katanya, pelajar beragama Islam tidak terkecuali untuk mengendalikan pel-

bagai spesies haiwan termasuk anjing dan babi.

"Ia melibatkan semua spesies haiwan sama ada yang kecil atau besar seperti kucing, anjing, babi, burung, ayam, lembu, rusa, ikan, gajah dan lain-lain haiwan.

"Keperluan ini adalah merupakan syarat graduat program DPV yang dikawal Majlis Veterinar Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, pihak universiti sentiasa memastikan kebajikan pelajar terpelihara termasuk menyediakan kemudahan menyamak

setiap kali selesai sesi latihan.

Nor Kamariah berkata, video itu tidak menggambarkan secara keseluruhan dakwaan orang ramai mengenai isu menyentuh anjing oleh orang Islam yang ditularkan.

Kelmarin rakaman video berdurasi 34 saat menjadi tular yang mendakwa tiga wanita bertudung membawa anjing bersiar-siar di tempat awam.

Pelajar-pelajar tersebut sedang menjalani latihan praktikal luar kampus selama seminggu mulai 2 Julai hingga 8 Julai di PAWS Animal Welfare Society di Subang.